

FMM gesa bersihkan pekerja asing sedia ada sebelum masuk 1.5 juta Bangladesh
Malaysian Insider
Feb 12, 2016

Putrajaya digesa membersihkan kebanjiran pendatang asing sedia ada dalam negara sebelum membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh, kata Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM).

Kenyataan itu berbeza dengan alasan diberikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang berkata kemasukan 1.5 juta pekerja Bangladesh bagi memenuhi permintaan pemain industri.

"Pengilang tidak mahu kemasukan warga Bangladesh sebanyak itu menambah masalah kebanjiran pekerja asing sedia ada.

"Kerajaan sepatutnya membersihkan terlebih dulu pekerja asing sedia ada sebelum membawa masuk pekerja ini," kata FMM dalam satu kenyataan hari ini.

Kumpulan itu juga menafikan mereka meminta sejumlah besar pekerja dari Bangladesh, sebaliknya pemain industri mengalu-alukan negara lain untuk membawa masuk pekerja asing.

"Pengilang tidak secara spesifik meminta kemasukan pekerja Bangladesh.

"Bagaimanapun, sumber lain-lain negara untuk membawa masuk pekerja asing dialu-alukan kerana majikan berdepan kesukaran untuk mengambil pekerja asing daripada sumber negara sedia ada seperti Nepal, Myanmar dan Indonesia," katanya.

Malah, FMM juga meragui ketelusan dalam proses membawa masuk pekerja Bangladesh ini kerana tiada ejen atau syarikat ketiga yang dilantik untuk membawa masuk mereka ini.

"Pengilang tidak mahu menjadi mangsa dengan mengambil pekerja yang pada mulanya tidak mahu bekerja dalam sektor pengilangan dan tidak memiliki skil dikehendaki untuk bekerja dalam sektor pengilangan," katanya.

FMM juga mendesak pengambilan pekerja asing dilakukan secara terus dan dibenarkan untuk menemu duga pekerja dalam sektor tersebut.

FMM berkata, kos penghantaran atau mobilisasi yang dikenakan sebanyak RM1,985 setiap pekerja juga tidak jelas dan sebarang kenaikan caj dikenakan wajar dirujuk terlebih dulu dengan majikan kerana mereka yang terpaksa menanggung kos tersebut.

Zahid yang juga menteri dalam negeri dilaporkan mempertahankan langkah untuk membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh kerana terdapat permintaan selepas pertama kali mengumumkan perkara itu pada Jun tahun lepas.

Bagaimanapun, pengumuman tersebut menerima reaksi negatif daripada banyak pihak.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata, lebih baik kerajaan membekalkan latihan secukupnya dan gaji setimpal kepada pekerja separa mahir tempatan untuk diserapkan ke dalam sektor yang ketika ini kurang diminati warga Malaysia.

Ia berkata, langkah itu bertentangan dengan polisi negara untuk hanya mempunyai 15% pekerja asing dalam tenaga kerja menjelang 2020.

Kesatuan sekerja turut mendakwa, keupayaan membuat keuntungan sehingga 50% daripada perkhidmatan perniagaan pembekal pekerja asing menjadi penyebab industri berkenaan begitu menguntungkan dan terdedah kepada penyalahgunaan kuasa.

MTUC dan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) juga mendakwa, pembekal industri buruh asing bernilai bilion ringgit boleh mempengaruhi kononnya "permintaan" terhadap 1.5 juta pekerja baharu yang dirancang dibawa masuk dari Bangladesh itu.
– 12 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/fmm-gesa-bersihkan-pekerja-asing-se-dia-ada-sebelum-masuk-1.5-juta-banglades>